

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Peperiksaan Semester Tambahan

Sidang Akademik 1993/94

Jun 1994

FPT 122 Pengantar Bentuk Dosis

Masa: (3 jam)

---

Kertas ini mengandungi ENAM (6) soalan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia

...2/-

1. (A) Berikan syarat-syarat utama sediaan suntikan dan terangkan mengapa syarat-syarat tersebut perlu dipatuhi.

(10 markah)

- (B) Terangkan bagaimana anda melakukan ujian pirogen untuk larutan infusi I.V dekstrosa 5% menurut U.S.P XXI.

(10 markah)

2. (A) Anda diberikan formula seperti di bawah:

R<sub>x</sub>  
Efedrin Hidrokloride      0.5 g  
Klorbutol                    0.5 g  
Dekstrosa                    q.s  
Air suling q.s. ad          100 ml

Hitungkan jumlah bahan-bahan yang diperlukan untuk menyediakan larutan isotonik sebanyak 50 ml.

Tuliskan semula formula yang sebenar.

(10 markah)

...3/-

- (B) Terangkan dengan ringkas kaedah-kaedah yang boleh digunakan untuk menghilangkan rasa yang tidak enak bagi suatu sediaan farmaseutik. Berikan contoh-contoh untuk setiap kaedah.

(10 markah)

3. (A) Huraikan faktor-faktor yang menentukan kecekapan etilena oksida sebagai agen pensterilan.

- (B) Bincangkan kegunaan sinaran berion sebagai agen pensterilan.

(20 markah)

4. (A) Apakah yang dimaksudkan dengan sediaan ampaian.

(2 markah)

- (B) Bincangkan mengapakah suatu pepejal perlu ditambah agen pengampai untuk memformulasikan suatu sediaan ampaian.

(10 markah)

- (C) Berikan kumpulan agen pengampai beserta satu contoh untuk setiap kumpulan.

(8 markah)

...4/-

5. (A) Berikan kumpulan agen pengemulsi beserta satu contoh untuk setiap kumpulan.

(8 markah)

- (B) Bincangkan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan di dalam memilih agen pengemulsi yang bagus untuk sesuatu sediaan emulsi.

(12 markah)

6. (A) Bincangkan persamaan dan perbezaan di antara sediaan salap dan krim.

(10 markah)

- (B) Bincangkan faktor-faktor yang perlu anda perhatikan apabila anda membuat supositori menggunakan dasar:

- (a) minyak tengkawang
- (b) witepsol
- (c) glisero-gelatin
- (d) makrogol

(10 markah)

-ooOoo-